

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR,
PERLIS (MPK.Ps)

OLEH

NOOR SAFFERA BINTI SHAHIDAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

8/3405

1100045570

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 32 FPE 2 2006



1100045570

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis (MPK.Ps) / Noorhafizah Awang Yussof.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045570

100045570

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

31
32
FPE
2
2004

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS (MPK.Ps)

Oleh

NOOR SAFFERA BINTI SHAHIDAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN PELAJAR

Dengan ini saya **NOOR SAFFERA BINTI SHAHIDAN, (UK9589)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : **NOOR SAFFERA BINTI SHAHIDAN**

Tarikh : **16 OKTOBER 2006**

Disahkan oleh:




DR. FADZLI ADAM,

b/p Pengerusi Latihan Industri,

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE),

KUSTEM. **16/10/06**

PENGHARGAAN



Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum dan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya pelatih dapat menyiapkan laporan Latihan Industri (SOS 4299) yang telah dijalankan di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis.

Di sini, pelatih ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Dipertua MPK.Ps iaitu Tuan Haji Faezan bin Omar dan Setiausaha, Tuan Haji Suhaimi bin Abd. Majid yang sudi menerima pelatih untuk menjalankan latihan industri di organisasi ini. Selain itu, ucapan terima kasih pelatih tujukan kepada penyelia pelatih semasa di MPK.Ps iaitu Encik Badruddin bin Baharom iaitu Ketua Jabatan Urusetia yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang pelatih menjalankan latihan praktikum ini. Tidak lupa juga pelatih ucapkan setinggi penghargaan kepada lain-lain anggota di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis terutamanya di Jabatan Urusetia dan Bahagian Perhubungan Awam yang banyak memberi kerjasama kepada pelatih sepanjang menjalankan tugas di sana.

Selain itu, juga penghargaan juga diberi kepada pensyarah KUSTEM yang menjadi penyelia pelatih iaitu Dr. Fadzli Adam di atas kesudiannya membantu pelatih dalam menyiapkan tugas dan mencari rujukan serta maklumat yang sesuai bagi tugas ini. Akhir sekali tidak lupa juga

penghargaan pada ahli keluarga yang sudi memberi dorongan dan juga tidak lupa penghargaan kepada rakan seperjuangan yang memberi tunjuk ajar terutamanya rakan karib, rakan serumah, beberapa orang rakan sekuliah dan luar kuliah. Kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung jutaan terima kasih pelatih ucapkan. Tanpa bantuan kalian semua tugas ini mungkin tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan.

Wassalam.

SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

MPK.Ps	: Majlis Perbandaran Kangar, Perlis
MPK	: Majlis Perbandaran Kangar
MBK	: Majlis Bandaran Kangar
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
KUSTEM	: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
SMS	: Sistem Pesanan Ringkas
FPE	: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
OSC	: <i>One Stop Centre</i>
TNB	: Tenaga Nasional Berhad

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna Latihan Industri merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Tujuan Latihan Industri ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerja yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada jabatan swasta, badan berkanun ataupun kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya dan sebagainya. Selain itu, latihan industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).